



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA *HIGH LEVEL COMMITTEE* (HLC) PENUBUHAN SURUHANJAYA EKONOMI GIG MALAYSIA BIL. 1/2024 PADA 4 JULAI 2024

Kuala Lumpur, 4 Julai 2024 – Mesyuarat Jawatankuasa *High Level Committee* (HLC) bagi penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia telah diadakan pada 4 Julai 2024. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah dan turut dihadiri oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

Tujuan utama mesyuarat ini adalah untuk membincang dan menetapkan rangka kerja bagi penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia. Suruhanjaya ini dijangka akan berperanan dalam merangka dan mengawal selia dasar-dasar berkaitan ekonomi gig di Malaysia. Selain itu, Suruhanjaya ini juga akan merangkumi aspek perlindungan hak pekerja gig, pangkalan data pekerja, penyedia platform gig, keselamatan sosial dan kadar upah yang berpatutan.

Keahlian Jawatankuasa *High Level Committee* ini merangkumi wakil-wakil daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk:

- (i) Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) Kementerian Kewangan;
- (iii) Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri;
- (iv) Kementerian Pengangkutan;
- (v) Kementerian Digital;
- (vi) Kementerian Komunikasi;
- (vii) Kementerian/Agensi Kerajaan yang berkaitan;
- (viii) Wakil industri gig; dan
- (ix) Wakil persatuan pekerja gig.

Struktur Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia akan terdiri daripada:

- (i) Pengerusi yang dilantik oleh Perdana Menteri;
- (ii) Timbalan Pengerusi;
- (iii) Ahli-ahli Suruhanjaya yang terdiri daripada wakil Kerajaan, industri, dan pekerja gig; dan
- (iv) Sekretariat.

Penubuhan Suruhanjaya ini dijangka memerlukan peruntukan kewangan yang signifikan dari Kerajaan untuk memastikan operasinya berjalan lancar. Peruntukan ini termasuklah kos pentadbiran, gaji dan elaun ahli suruhanjaya, serta kos program-program yang akan dijalankan untuk memperkukuh ekonomi gig di Malaysia. Kos-kos lain yang turut dikenal pasti adalah seperti kos utiliti, penyelenggaraan, infrastruktur dan kos-kos lain yang berkaitan.

Mesyuarat ini turut mengambil maklum bahawa Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang dalam proses mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri bagi menggubal undang-undang perburuhan untuk melindungi pekerja gig ini yang mencakupi empat (4) perkara penting iaitu definisi:

- (i) pekerja gig;
- (ii) gaji/upah;
- (iii) mekanisme kilanan; dan
- (iv) perlindungan sosial.

Cadangan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menangani isu-isu utama yang dihadapi oleh pekerja-pekerja gig dan memastikan kebajikan mereka terjamin. Ini juga akan membantu dalam membangunkan sektor ekonomi gig yang lebih mampan dan berdaya saing, serta memberikan sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara.

Mesyuarat Jawatankuasa *High Level Committee* ini merupakan langkah awal yang penting dalam usaha penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi gig di Malaysia berkembang secara mampan dan inklusif, serta memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada semua pekerja gig di negara ini.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
4 JULAI 2024